



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 61  
No. 22

**26hb Oktober 2017**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

**No. 897.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dalam nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 6 hingga 37.

Pada mendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

## Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

## Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

## Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Okjektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau

kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Seberang Perai.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1318

[26hb Okt. 2017]

### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan, 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

### Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

PULAU PINANG  
Bertarikh 2 Ogos 2017

DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR  
*b.p. Ketua Audit Negara*  
*Malaysia*

### MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

#### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

“Saya, Shahrulnizad bin Abdul Razak, Pengarah Pertadbahan pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangian, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.”

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, di Butterworth, Pulau Pinang pada 28 Februari 2017.

Di hadapan Saya,

FAIZAL BIN ABU BAKAR  
(Pesuruhjaya Sumpah)  
Malaysia

#### PENYATA YANG DIPERTUA DAN SEORANG AHLI MAJLIS

“Kami, Dato’ Maimunah Mohd Sharif dan Zulkifli bin Ibrahim yang merupakan Yang Dipertua dan salah seorang Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis, Penyata Kewangan

yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.”

Bagi Pihak Majlis,

Bagi Pihak Majlis,

Nama: Dato' Maimunah  
Mohd Sharif

Nama: Zulkifli bin Ibrahim

Jawatan: Yang Dipertua MPSP,  
Bandar Perda,  
Bukit Mertajam

Jawatan: Ahli Majlis MPSP,  
Bandar Perda,  
Bukit Mertajam

Tarikh: 28 Februari 2017

Tarikh: 28 Februari 2017

**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171])

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2016

		2016	2015
		RM	RM
<b>ASET</b>			
<b>Aset Semasa</b>			
Wang Tunai dan Baki di Bank	6	8,776,636	14,836,315
Simpanan Tetap	7	149,369,883	166,557,963
Penghutang	8	22,493,950	21,570,273
Pelbagai Belum Terima Lain	9	6,649,406	3,869,028
	-----	-----	-----
		187,289,875	206,833,579
	-----	-----	-----
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	10	232,294,352	240,297,080
Penghutang Pinjaman dan Projek	11	95,132,522	95,092,644
Khas Pembetungan		-----	-----
		327,426,874	335,389,724
	-----	-----	-----
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>514,716,749</b>	<b>542,223,303</b>
	-----	-----	-----

Hartanah, Loji dan Peralatan	10	232,294,352	240,297,080
Penghutang Pinjaman dan Projek	11	95,132,522	95,092,644
Khas Pembetungan		-----	-----
		327,426,874	335,389,724
	-----	-----	-----
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>514,716,749</b>	<b>542,223,303</b>
	-----	-----	-----

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1320

[26hb Okt. 2017]

		2016 RM	2015 RM
<b>LIABILITI</b>			
Liabiliti Semasa			
Pelbagai Belum Bayar Lain	12	20,766,060	29,049,836
Cagaran-cagaran	13	10,695,253	9,824,252
Akaun Amanah	14	1,524,003	1,527,166
Pendapatan Tertunda	15	4,519,566	4,654,985
Hutang Pinjaman Dari Kerajaan Negeri	16	4,312,510	4,227,950
		-----	-----
		41,817,392	49,284,189
		-----	-----
Liabiliti Jangka Panjang			
Pinjaman Dari Kerajaan Negeri	16	66,149,839	70,546,910
Hutang Pembetungan Kerajaan Persekutuan	17	118,109,936	118,109,936
Pinjaman Pembetungan Kerajaan Persekutuan	18	160,881,154	160,881,154
		-----	-----
		345,140,929	349,538,000
		-----	-----
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>386,958,321</b>	<b>398,822,189</b>
		-----	-----
<b>ASET BERSIH</b>		<b>127,758,428</b>	<b>143,401,114</b>
		-----	-----
<b>ASET BERSIH/EKUTI</b>			
Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan	19	63,837,724	55,291,349
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan Lebihan Terkumpul	20	1,700,000 62,220,704	1,700,000 86,409,765
		-----	-----
		127,758,428	143,401,114
		-----	-----

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

		2016 RM	2015 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
<b>HASIL CUKAI</b>			
Kadar Taksiran	22	165,127,891	161,858,508
Sumbangan Membantu Kadar	23	8,518,109	8,414,816
		-----	-----
		173,646,000	170,273,324
		-----	-----

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

26hb Okt. 2017]

1321

		2016 RM	2015 RM
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>			
Lesen dan Permit	24	12,560,444	11,896,919
Perkhidmatan dan Bayaran	25	17,462,642	22,422,210
Perkhidmatan			
Perolehan dari Jualan Barang-barang	26	248,045	158,042
Sewaan	27	10,599,239	10,492,878
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	28	6,759,809	6,149,403
Denda dan Hukuman	29	6,104,853	4,870,727
Pelbagai Terimaan	30	206,778	160,425
		-----	-----
		53,941,810	56,150,604
		-----	-----
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>			
Terimaan Lain	31	4,766,362	4,599,549
Geran		5,000,000	5,000,000
Pendapatan Kredit Tertunda (Aset)		135,419	138,204
Keuntungan Pelupusan Aset		213,033	111,537
		-----	-----
		10,114,814	9,849,290
		-----	-----
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>237,702,624</b>	<b>236,273,218</b>
		-----	-----
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen	32	74,049,790	69,443,543
Perbelanjaan Perjalanan dan	33	2,701,199	2,512,640
Sara Hidup			
Perhubungan dan Utiliti	34	6,338,589	6,337,787
Sewaan	35	2,228,144	2,326,222
Bekalan Bahan-bahan Mentah untuk	36	6,171,029	7,313,411
Penyelenggaraan dan Pembakaian			
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	37	2,038,230	1,779,291
Penyelenggaraan dan Pembakaian	38	30,089,379	28,887,189
Kecil Yang Dibeli			
Perkhidmatan Ikhtisas dan	39	105,897,784	88,347,226
Perkhidmatan Lain yang Dibeli			
dan Hospitaliti			
Pemberian Dalam Negeri	40	615,816	370,148
Tuntutan Insurans dan Pampasan	41	27,148	139,345

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1322

[26hb Okt. 2017]

		2016 RM	2015 RM
Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Pinjaman	42	683,615	768,173
Pulang Balik dan Hapus Kira	43	2,676,082	9,931,980
Pelepasan Cukai Dihapus Kira	44	5,934,131	—
Bayaran Cukai, Komisen, Insurans dan Perintah Mahkamah	45	4,158,854	3,970,517
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	46	10,325,993	9,955,649
		-----	-----
Jumlah Perbelanjaan		253,935,783	232,083,121
		-----	-----

## PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Bangunan dan Pembaikan Bangunan	47	1,072,086	228,000
Kemudahan dan Pembaikan	48	4,585,197	2,821,866
Kemudahan		-----	-----
Jumlah Perbelanjaan Pembangunan		5,657,283	3,049,866
		-----	-----

## PERBELANJAAN HARTA MODAL

Kenderaan dan Jentera	49	544,798	86,025
Harta Modal-Harta Modal Yang Lain	50	1,753,846	857,499
		-----	-----
Jumlah Perbelanjaan Harta Modal		2,298,644	943,524
		-----	-----

## JUMLAH PERBELANJAAN KESELURUHAN

(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN SEMASA		(24,189,086)	196,707
		-----	-----
Lebihan Terkumpul pada 1 Januari		86,409,765	86,213,024
Pelarasan Akaun-akaun	51	25	34
		-----	-----

LEBIHAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER		62,220,704	86,409,765
		-----	-----

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

26hb Okt. 2017]

1323

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2015	41,155,349	1,700,000	86,213,024	129,068,373
Tambahan pada tahun semasa	—	—	34	34
Lebihan bersih tahun semasa	—	—	196,707	196,707
Penerimaan tahun semasa	14,136,000	—	—	14,136,000
Baki pada 31 Disember 2015	<u>55,291,349</u>	<u>1,700,000</u>	<u>86,409,765</u>	<u>143,401,114</u>
Tambahan pada tahun semasa	—	—	25	25
Kurangan bersih tahun semasa	—	—	(24,189,086)	(24,189,086)
Penerimaan tahun semasa	8,546,375	—	—	8,546,375
Baki pada 31 Disember 2016	<u>63,837,724</u>	<u>1,700,000</u>	<u>62,220,704</u>	<u>127,758,428</u>
	<u>-----</u>	<u>-----</u>	<u>-----</u>	<u>-----</u>

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan dari Operasi Biasa	(24,189,086)	196,707
Pelarasan untuk:		
Susut Nilai Semasa	10,325,993	9,955,649
Pelarasan Akaun-akaun	25	34
Hapus Kira	29,464	9,745
Hutang Ragu dan Lapuk Dihapus Kira untuk Bangunan, Tanah dan Sumbangan	254,239	8,841,168
Membantu Kadar		
Pelepasan Cukai Dihapus Kira	5,934,131	—
Faedah Dibayar	683,615	768,173
Faedah Diterima	(6,759,809)	(6,149,403)
	<u>-----</u>	<u>-----</u>
(Kurangan)/Lebihan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	(13,721,428)	13,622,073
(Kurangan)/Lebihan Dalam Penghutang	(923,677)	1,577,52)
(Kurangan) Dalam Pelbagai Belum	(8,968,748)	(10,315,480)
Terima lain		

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1324

[26hb Okt. 2017]

	2016 RM	2015 RM
(Kurangan)/Lebihan Dalam Penghutang Pinjaman	(39,878)	14,862
(Kurangan)/Lebihan Pelbagai Belum Bayar lain	(8,283,776)	3,339,349
Tambahan Cagaran	871,001	1,785,125
(Kurangan)/Tambahan Akaun Amanah	(3,163)	836,359
(Kurangan) Pendapatan Tertunda	(135,419)	(138,204)
	-----	-----
Tunai Bersih (Digunakan)/Dijana Daripada Aktiviti Operasi	(31,205,088)	10,721,605
	-----	-----

## ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN

Belian Hartanah, Loji dan Peralatan Faedah Diterima	(2,352,729) 6,759,809	(8,404,775) 6,149,403
Tunai Bersih Dijana Dari/(Digunakan) untuk Aktiviti Pelaburan	4,407,080	(2,255,372)
	-----	-----

## ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN

Pemberian Pinjaman Jangka Panjang	84,560	978,257
Faedah Dibayar	(683,615)	(768,173)
(Kurangan)/Lebihan Pemberian Pinjaman Kerajaan Negeri Jangka Panjang	(4,397,071)	5,387,937
Penerimaan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan	8,546,375	14,136,000
	-----	-----
Tunai Bersih Dijana Daripada Aktiviti Pembiayaan	3,550,249	19,734,021
	-----	-----
(Kurangan)/Lebihan Bersih Dalam Tunai dan Persamaan Tunai	(23,247,759)	28,200,254
Tunai dan Persamaan Tunai Pada Awal Tahun	181,394,278	153,194,024
	-----	-----
Tunai dan Persamaan Tunai Pada Akhir Tahun	158,146,519	181,394,278
	-----	-----

## Tunai dan Persamaan Tunai Terdiri Daripada:

(i) Wang Tunai dan Baki di Bank	8,776,636	14,836,315
(ii) Simpanan Tetap	149,369,883	166,557,963
	-----	-----
	158,146,519	181,394,278
	-----	-----

---

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

## NOTA 1: MAKLUMAT UMUM

Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

Selain daripada perlaksanaan peruntukan-peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], pihak Majlis juga menggunakan pakai Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].

Majlis Perbandaran Seberang Perai merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

Alamat prinsipal dan berdaftar Majlis adalah di Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

## NOTA 2: ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Majlis telah disediakan dengan mengambil kira piawaian “*International Public Sector Accounting Standard*” (IPSAS).

- (a) Bermula daripada tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2011, Majlis telah menggunakan piawaian “*International Public Sector Accounting Standard*” (IPSAS) berikut:

IPSAS 1 — Persembahan Penyata Kewangan  
IPSAS 2 — Penyata Aliran Tunai  
IPSAS 3 — Lebihan Bersih atau Defisit bagi Tempoh Berkenaan Kesilapan Asas dan Perubahan Dalam Polisi Perakaunan  
IPSAS 5 — Kos Pinjaman  
IPSAS 13 — Pajakan  
IPSAS 14 — Peristiwa Selepas Tarikh Laporan  
IPSAS 17 — Hartanah, Loji dan Peralatan  
IPSAS 19 — Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka  
IPSAS 22 — Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Am

- (b) Berikut adalah piawaian “*International Public Sector Accounting Standard*” (IPSAS) yang belum diguna pakai:

IPSAS 4 — Kesan Perubahan Dalam Kadar Pertukaran Asing  
IPSAS 6 — Penyata Kewangan Disatukan dan Entiti Kawalan Perakaunan

- IPSAS 7 — Perakaunan Bagi Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu
- IPSAS 8 — Laporan Kewangan Dalam Syarikat Usaha Sama
- IPSAS 9 — Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran
- IPSAS 10 — Laporan Kewangan Dalam Ekonomi Yang Inflasi
- IPSAS 12 — Inventori
- IPSAS 15 — Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan
- IPSAS 16 — Pelaburan Hartanah
- IPSAS 20 — Pendedahan Pihak Berkaitan
- IPSAS 21 — Aset Rosot Nilai bagi Penjanaan Bukan Tunai
- IPSAS 23 — Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pemindahan)
- IPSAS 24 — Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan
- IPSAS 26 — Aset Rosot Nilai Bagi Penjanaan Tunai
- IPSAS 28 — Instrumen Kewangan: Pembentangan
- IPSAS 29 — Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- IPSAS 30 — Instrumen Kewangan Pendedahan

- (c) Berikut adalah piawaian *“International Public Sector Accounting Standard”* (IPSAS) yang tidak diguna pakai:

- IPSAS 11 — Kontrak Pembinaan
- IPSAS 18 — Laporan Segmen
- IPSAS 25 — Manfaat Kakitangan
- IPSAS 27 — Pertanian
- IPSAS 31 — Aset Tak Ketara
- IPSAS 32 — Konsesi Perkhidmatan Penyusunan: Pemberi

#### NOTA 3: TARIKH PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah disahkan oleh Anggota Majlis pada 7 Mac 2017.

#### NOTA 4: POLISI RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN

Polisi risiko pengurusan kewangan Majlis adalah bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi untuk pembangunan aktiviti Majlis dalam menguruskan risiko mata wang, risiko kadar faedah, risiko kredit pasaran, risiko kecairan dan risiko aliran tunai Majlis. Polisi-polisi yang berkaitan aktiviti-aktiviti kewangan adalah seperti berikut:

- (a) Risiko Mata Wang

Majlis tidak terdedah kepada risiko mata wang yang serius memandangkan tiada urus niaga yang ketara dijalankan dengan menggunakan mata wang asing.

- (b) Risiko Kadar Faedah

Majlis memperolehi kemudahan kewangan melalui pinjaman daripada Kerajaan Negeri yang diperolehi pada kadar faedah yang berpatutan.

## (c) Risiko Pasaran

Majlis tidak terdedah kepada risiko pasaran kerana tiada pelaburan siarharga yang dimiliki oleh Majlis.

## (d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Majlis berupaya menyediakan jumlah tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja. Sebarang lebihan dana akan dilaburkan di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen pada kadar faedah yang paling kompetitif.

## (e) Nilai Saksama

Nilai saksama bagi aset dan liabiliti kewangan yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2016 adalah dinilai pada nilai bawaan aset dan liabiliti tersebut berdasarkan kecepatan dan kematangan jangka pendek instrumen kewangan tersebut.

## NOTA 5: DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Kesemua dasar-dasar perakaunan utama yang dibentangkan di bawah adalah konsisten dan selaras dengan dasar-dasar yang diguna pakai pada tahun sebelumnya.

## (a) Dasar Perakaunan

Penyata kewangan Majlis disediakan mengikut piawaian “*International Public Sector Accounting Standard*” (IPSAS), selain daripada perkara yang dinyatakan di Nota 2(b) dan (c).

## (b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul. Tiada susut nilai diperuntukkan untuk kerja-kerja dalam perlaksanaan.

Tanah pajakan disusut nilai mengikut kos projek dan dilaraskan mengikut tempoh pajakan. Tanah milik bebas tidak disusut nilai.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus dengan menggunakan kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	2%
Kenderaan	10%
Jentera	20%
Kelengkapan Komputer	20%
Alat-alat Pejabat	20%
Kelengkapan Perabot	20%

## (c) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai yang boleh direalisasikan. Peruntukan hutang ragu akan dibuat untuk hutang yang telah dikenal pasti sebagai ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas baki hutang lama dan belum dapat dipungut.

Peruntukan umum hutang ragu bagi penghutang cukai taksiran adalah bagi tunggakan yang melebihi lima (5) tahun.

## (d) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan pelaburan dalam instrumen pasaran wang. Kaedah tidak langsung digunakan bagi penyediaan Penyata Aliran Tunai.

## (e) Pelbagai Belum Bayar Lain

Pelbagai belum bayar lain merujuk kepada pemutang perniagaan dan lain-lain pemutang yang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama bagi pertimbangan yang perlu dibayar pada masa hadapan bagi perkhidmatan yang diterima.

## (f) Cagaran-cagaran

Cagaran-cagaran merupakan deposit yang diterima daripada pelanggan seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis dalam syarat permohonan. Deposit ini dinyatakan pada nilai ianya dibayar.

## (g) Pendapatan tertunda

Pendapatan tertunda merupakan waran peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berkenaan perolehan aset tetap yang dikira sebagai pendapatan tertunda manakala susut nilai aset tetap tersebut direkodkan sebagai perbelanjaan.

## (h) Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan

Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] untuk mengakaunkan terimaan daripada sumber-sumber tertentu bagi membiayai perbelanjaan atau projek yang telah ditentukan semasa tabung amanah tersebut diwujudkan.

Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Marris diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan geran yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri. Geran ini akan digunakan untuk membiayai kos-kos penyelenggaraan termasuk pemeliharaan, penjagaan, pemulihan jalan, perabot tepi jalan, jambatan dan pembetungan (saliran) yang menjadi sebahagian daripada jalan.

## (i) Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan

Majlis telah meluluskan penubuhan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan sebanyak RM1,200,000 dan Kumpulan Wang Pinjaman Komputer berjumlah RM500,000. Kemudahan ini diberikan kepada kakitangan yang layak dengan kadar faedah yang dikenakan adalah sebanyak 4% berdasarkan kaedah baki berkurangan.

(j) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan merujuk kepada Geran Tahunan berasaskan Kaedah Keseimbangan (GTBKK) yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Pemberian geran tersebut diiktiraf sebagai terimaan bukan hasil di dalam penyata pendapatan Majlis.

Lain-lain geran yang diterima dalam bentuk tunai untuk tujuan khas direkodkan di bawah Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan.

(k) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dari cukai taksiran, keuntungan simpanan tetap dan sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan.

(l) Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan adalah direkod dan diakaunkan untuk tempoh ianya dipertanggungkan. Bekalan, perkhidmatan dan kerja yang disempurnakan dan diterima sehingga 31 Disember boleh dikenakan kepada peruntukan tahun Kewangan berkenaan jika ianya dibayar dalam bulan terakru tahun berikutnya melalui Akaun Kena Bayar.

(m) Prinsip Akauntabiliti

Pihak Berkuasa Negeri akan meluluskan dan memberi kuasa kepada Majlis untuk melakukan pembayaran dari Kumpulan Wang Majlis melalui Bajet Tahunan. Kuasa membelanja yang dibenarkan dalam Bajet Tahunan adalah untuk maksud yang ditetapkan serta amanun yang diluluskan. Semua peruntukan yang dilulus tetapi tidak dibelanja dalam tahun kewangan berkenaan akan luput. Segala urus niaga Majlis akan diakaun dan dilaporkan dalam penyata kewangan Majlis.

(n) Manfaat Pekerja

Upah, gaji, bonus dan sumbangan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

Majlis membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) bagi pekerja yang memilih skim pencen. Caruman tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1330

[26hb Okt. 2017]

	2016 RM	2015 RM
<b>NOTA 6: WANG TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN</b>		
Wang tunai di bank	8,758,726	14,820,765
Wang tunai di tangan	17,910	15,550
-----	-----	-----
	8,776,636	14,836,315
	-----	-----

## NOTA 7: SIMPANAN TETAP

Simpanan Tetap	149,369,883	166,557,963
	-----	-----

Deposit yang dilaburkan di institusi kewangan berlesen dengan kadar faedah dan kematangan deposit dianggarkan antara 2.65% hingga 4.30% dan dari 30 hari hingga setahun.

## NOTA 8: PENGHUTANG

Penghutang—cukai taksiran bangunan*	21,072,370	20,608,596
Penghutang—cukai tanah	350,087	28,056
Penghutang—sumbangan membantu kadar	186,263	872
Penghutang—sewaan tanah	174,566	211,414
Penghutang—sewaan bangunan	344,733	416,845
Penghutang—sewaan gerai kompleks	117,101	95,632
Penghutang—sewaan gerai pasar awam	164,481	142,085
Penghutang—sewaan gerai pasar awam terbengkalai	84,349	66,773
-----	-----	-----
	22,493,950	21,570,273
	-----	-----

Penghutang—cukai bangunan	65,314,249	64,850,475
(-) Peruntukan hutang rugu cukai bangunan	(44,241,879)	(44,241,879)
-----	-----	-----
	21,072,370	20,608,596
	-----	-----

* Bangunan berpenghuni	3,191,854	3,454,573
Bangunan tidak berpenghuni	17,880,516	17,154,023
-----	-----	-----
	21,072,370	20,608,596
	-----	-----

Penghutang—cukai tanah	4,439,424	4,117,393
(-) Peruntukan hutang rugu cukai tanah	(4,089,337)	(4,089,337)
-----	-----	-----
	350,087	28,056
	-----	-----

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

26hb Okt. 2017]

1331

	2016 RM	2015 RM
Penghutang—sumbangan membantu kadar	593,484	408,093
(-) Peruntukan hutang ragu caruman	(407,221)	(407,221)
membantu kadar		
	-----	-----
	186,263	872
	-----	-----
Hutang lapuk dihapukira untuk bangunan, tanah dan sumbangan membantu kadar	254,239	333,074
Hutang ragu	—	8,508,094
	-----	-----
	254,239	8,841,168
	-----	-----

NOTA 9: PELBAGAI BELUM TERIMA  
LAIN

Penghutang Pinjaman kendaraan untuk kakitangan	143,431	118,861
Penghutang Pinjaman komputer untuk kakitangan	10,996	10,110
Penghutang—Syarikat Kelana Sinergi	—	392,731
Penghutang—pungutan bersama	247,840	—
Wang dalam perjalanan	2,180,962	1,922,945
Cagaran bekalan	11,720	10,520
Pendahuluan kepada kakitangan Majlis	—	3,129
Faedah terakru	136,339	141,390
Pembayaran balik cukai barang dan perkhidmatan	3,918,118	1,269,342
<hr/>		<hr/>
	6,649,406	3,869,028

## NOTA 10: HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2016

KOS

	Baki Pada 1-1-2016	Belian	Pindahan/ Pelarasan	Jualan	Aset Dihilang- kira	Baki Pada 31-12-2016
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah	34,622,419	25	—	(1)	—	34,622,443
Tanah Pajakan	9,052,437	—	—	—	—	9,052,437
Bangunan	201,027,384	—	—	—	—	201,027,384
Kenderaan	65,927,149	142,351	—	(1,414,147)	—	64,655,353
Kelengkapan Komputer	4,739,042	1,097,779	—	(53,596)	(96,068)	5,687,157
Alat-alat Pejabat	2,963,555	655,069	—	—	(90,932)	3,527,692
Kelengkapan Perabot	511,844	—	—	—	—	511,844
Jentera	2,736,335	457,505	—	—	—	3,193,840
-----	-----	-----	-----	-----	-----	-----
	321,580,165	2,352,729	—	(1,467,744)	(187,000)	322,278,150

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1332

[26hb Okt. 2017]

## SUSUT NILAI TERKUMPUL

	Baki Pada 1-1-2016	Pindahan/ Pelarasan	Susut Nilai Semasa	Susut Nilai Aset yang dijual	Susut Nilai Aset yang dihapus- kira	Baki Pada 31-12-2016
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah	—	—	—	—	—	—
Tanah Pajakan	2,893,607	—	103,121	—	—	2,996,728
Bangunan	42,886,304	—	4,018,512	—	—	46,904,816
Kenderaan	28,074,517	—	5,093,198	(1,414,027)	—	31,753,688
Kelengkapan Komputer	3,106,818	—	546,041	(25,776)	(95,908)	3,531,175
Alat-alat Pejabat	2,233,564	—	235,823	—	(89,569)	2,379,818
Kelengkapan Perabot	497,440	—	3,918	—	—	501,358
Jentera	1,590,835	—	325,380	—	—	1,916,215
	-----	-----	-----	-----	-----	-----
	81,283,085	—	10,325,993	(1,439,803)	(185,477)	89,983,798
	-----	-----	-----	-----	-----	-----

2015

## KOS

	Baki Pada 1-1-2015	Belian	Pindahan/ Pelarasan	Jualan	Aset Dihilang- kira	Baki Pada 31-12-2015
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah	34,622,388	34	—	—	(3)	34,622,419
Tanah Pajakan	9,052,437	—	—	—	—	9,052,437
Bangunan	201,027,384	—	—	—	—	201,027,384
Kenderaan	59,776,776	7,021,945	—	(871,572)	—	65,927,149
Kelengkapan Komputer	4,256,784	626,840	(20,782)	(12,345)	(111,455)	4,739,042
Alat-alat Pejabat	3,106,365	249,828	(79,731)	—	(312,907)	2,963,555
Kelengkapan Perabot	551,204	10,010	—	—	(49,370)	511,844
Jentera	2,167,339	597,503	(871)	—	(27,636)	2,736,335
	-----	-----	-----	-----	-----	-----
	314,560,677	8,506,160	(101,384)	(883,917)	(501,371)	321,580,165
	-----	-----	-----	-----	-----	-----

## SUSUT NILAI TERKUMPUL

	Baki Pada 1-1-2015	Pelarasan	Susut Nilai Semasa	Susut Nilai Aset yang dijual	Susut Nilai Aset yang dihapus- kira	Baki Pada 31-12-2015
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah Pajakan	2,779,442	—	114,165	—	—	2,893,607
Bangunan	38,867,792	—	4,018,512	—	—	42,886,304
Kenderaan	24,005,089	—	4,940,940	(871,512)	—	28,074,517
Kelengkapan Komputer	2,746,669	—	475,297	(4,223)	(110,925)	3,106,818
Alat-alat Pejabat	2,339,940	—	205,721	—	(312,097)	2,233,564
Kelengkapan Perabot	543,855	—	2,795	—	(49,210)	497,440
Jentera	1,420,191	—	198,220	—	(27,576)	1,590,835
	-----	-----	-----	-----	-----	-----
	72,702,978	—	9,955,650	(875,735)	(499,808)	81,283,085
	-----	-----	-----	-----	-----	-----

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

26hb Okt. 2017]

1333

## NILAI BUKU BERSIH

	Kos Pada 31-12-2016 RM	Susut Nilai Terkumpul Pada 31-12-2016 RM	Nilai Buku Bersih Pada 31-12-2016 RM	Nilai Buku Bersih Pada 31-12-2015 RM
Tanah	34,622,443	—	34,622,443	34,622,419
Tanah Pajakan	9,052,437	2,996,728	6,055,709	6,158,830
Bangunan	201,027,384	46,904,816	154,122,568	158,141,080
Kenderaan	64,655,353	31,753,688	32,901,665	37,852,632
Kelengkapan Komputer	5,687,157	3,531,175	2,155,982	1,632,224
Alat-alat Pejabat	3,527,692	2,379,818	1,147,874	729,991
Kelengkapan Perabot	511,844	501,358	10,486	14,404
Jentera	3,193,840	1,916,215	1,277,625	1,145,500
	322,278,150	89,983,798	232,294,352	240,297,080
	-----	-----	-----	-----

## TANAH TAPAK PELUPUSAN SAMPAH

Bagi lot 1383, 1411 dan 1412 Mukim 11, Seberang Perai Selatan untuk tempat pelupusan sisa pepejal di Pulau Burung pemberi milikan tanah berjumlah RM345,214.00 perlu dibahagi sama rata antara Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Bayaran ini telah dibuat pada 7 Mac 2012 melalui Cek Bank Islam Malaysia Berhad bernombor 208970 dengan jumlah RM172,607.00. Status hak milik masih belum dikeluarkan dan di dalam tindakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.

Tiga (3) lot tanah swasta iaitu lot 1383, 1411 dan 1412 Mukim 11, Seberang Perai Selatan (Pulau Burung) telah diambil balik untuk tujuan tapak pelupusan sisa pepejal dengan harga asal berjumlah RM10,381,514. Kos pengambilan tanah ini dikongsi oleh MPPP dan MPSP. Kedua-dua Majlis telah membayar RM5,190,757 seperti yang diarahkan oleh Pihak Berkua Negeri.

Tuan-tuan tanah kepada lot 1412 telah membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi untuk bayaran pampasan tambahan dan bayaran ini telah dijelaskan.

Bayaran-bayaran yang dibuat:

	Jumlah RM	Tarikh
(i) Bayaran pampasan mengambil tanah atas lot 1383, 1411, 1412 Mukim 11, Seberang Perai Selatan	5,190,757	14-9-1995
(ii) Bayaran pampasan tambahan pengambilan balik tanah atas lot 1412 Mukim 11, Seberang Perai Selatan	98,474	5-7-1996
(iii) Bayaran pampasan tambahan kos pengambilan balik tanah atas lot 1411 Mukim 11, Seberang Perai Selatan	1,001,875	29-8-1996

Pada 29 Februari 2012, Majlis telah membayar kos pendaftaran hak milik sementara dengan jumlah RM345,214 dan dibahagi sama rata dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang melalui surat MPSP/80/10-15/42 Jilid 3, berjumlah RM172,607.

	2016 RM	2015 RM
<b>NOTA 11: PENGHUTANG PINJAMAN DAN PROJEK KHAS PEMBETUNGAN</b>		
Penghutang Pinjaman kenderaan untuk kakitangan	359,304	326,013
Penghutang Pinjaman komputer untuk kakitangan	19,043	12,456
* Projek Khas Pembetungan	94,754,175	94,754,175
